

Bismillahir Rahmanir Rahim

Salam dan selawat.

KEZALIMAN TERHADAP SYIAH MELAYU ISLAM DI MALAYSIA

Kezaliman terhadap Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi Malaysia sebagai penjenayah syariah yang telah bermula semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad yang pertama (BN) 1996 dan pemerintahan beliau yang kedua (PH) 2018 adalah "*un-Constitutional*" dan "*un-Islamic*".

1. Syiah Melayu Islam Mazhab Ja'fari dan Zaidi Malaysia telah dikeluarkan daripada Hak Asasi Manusia Perkara 5, 6, 7, 8, 9, 10,11,12, dan 13 Perlembagaan Persekutuan secara "*un-Constitutional*" (tidak menurut Perlembagaan) oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 5.5.1996. (Sila lihat, "25 (20) Artikel" di laman: almawaddah.info).

2. Melalui enakmen kerajaan-kerajaan negeri (BN) bagi tujuan pengharaman Syiah sebagai penjenayah syariah di setiap negeri mulai 5.5.1996.

3. Kezaliman dan pengharaman terhadap Syiah Melayu Islam dilakukan oleh Kerajaan Malaysia (BN) pada tahun 1996 di bawah pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 4 kemudian diteruskan oleh Kerajaan Malaysia (PH) 2018 di bawah pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 7.

4. Di zaman pemerintahan Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi sebagai pengerusi OIC di masa itu, Deklarasi Amman 2005 telah diadakan di Amman Jordan yang mana 8 mazhab Islam diakui oleh OIC termasuk 2 mazhab Syiah; Ja'fari dan Zaidi.

5. Walau bagaimana pun Deklarasi Amman tidak disahkan atau diratifikasikan oleh Kerajaan Malaysia (BN) yang dipimpin oleh Tun Abdullah Badawi dan Dato' Seri Najib Razak selepasnya. Begitu juga di zaman pemerintahan PH 2018, Tun Dr Mahathir tidak mahu Deklarasi Amman 2005 diratifikasikan. Sebaliknya ICERD 1965 (*The International Convention on the Elimination of All forms of Racial Discrimination*) pula yang mahu diratifikasikan. Justeru, fatwa dan enakmen pengharaman Syiah yang zalim itu diteruskan sehingga kini!.

6. Di zaman pemerintahan Datuk Seri Najib Razak, kezaliman dan tekanan terhadap Syiah diteruskan seperti di zaman Tun Dr Mahathir terdahulu. Perbezaannya tidak ada Syiah ditahan dibawah ISA di zaman Datuk Seri Najib Razak kerana ISA telah dimansuhkan. Sementara Tun Dr Mahathir pula tidak bersetuju ISA dimansuhkan yang mana di zaman pemerintahannya sekurang-kurangnya 10 orang Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari ditahan di bawah ISA (sila lihat, *SURAT PM* di laman: almawaddah.info).

7. PAS pula ditekan oleh Kerajaan BN di bawah pemerintahan Dato' Seri Najib Razak yang mana YB Muhammad Sabu sebagai Timbalan Presiden PAS pada masa itu difitnah, dihina dan dituduh sebagai seorang penganut Syiah vs. Datuk Seri Dr Zaid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri di masa itu sebagai Sunni (Wahabi). Akhirnya PAS memecat YB Muhammad Sabu dengan alasan yang lain pula.

Sekarang YB Muhammad Sabu sebagai pengerusi parti AMANAH dilantik sebagai Menteri Pertahanan Malaysia dalam gabungan PH 2018.

8. Di zaman pemerintahan Tun Mahathir kedua (PH) 2018, fatwa dan enakman pengharaman Syiah diteruskan sebagaimana dijelaskan oleh Menteri Agama Datuk Dr Mujahid Yusof dari parti AMANAH (PH) di Parliman pada 1.11.2018.

9. Justeru, parti Pakatan Harapan (PH) yang memerintah sekarang seperti BN juga di dalam isu pengharaman Syiah, tidak mahu mengubah fatwa dan enakmen zalim tentang pengharaman Syiah yang menyalahi Perlembagaan Persekutuan Perkara 11 (1) "*Every person has the right to profess and practise his religion*".

10. Oleh itu, Pengharaman Syiah adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang utama di Malaysia Perkara 4(1). Sementara al-Qur'an, Hadis, Majlis Fatwa dan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah di bawah Perlembagaan.

11. Perkataan "*religion*" menurut *Cambridge Dictionary: The belief in and worship of a god or gods or any such system of belief and worship*. Iaitu sistem kepercayaan dan penyembahan kepada satu tuhan atau banyak tuhan, digunakan dalam Perlembagaan. Justeru, Syiah termasuk "*religion*" dalam Perlembagaan Perkara 3 (1) dan 11(1). "*Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practiced in peace and harmony in any part of the Federation*". Di negara Republik Islam Iran, Syiah adalah "*religion*" mereka.

12. Justeru, para mufti dan kerajaan-kerajaan negeri menyalahi Perlembagaan dalam pengharaman Syiah. Perkara 11(1) "*every person has the right to profess and practise his religion*" "*setiap orang berhak mengisytiharkan dan mempraktikkan agamanya*"

13. Ia menyalahi al-Qur'an, firman-Nya dalam Surah al-Baqarah (2) : 256 "*tidak ada paksaan dalam (memilih) agama (Islam)*".

14. Ia menyalahi Hadis; sabda Nabi SAW: "*Siapa yang mengucap tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh-Nya, akan memasuki syurga*" (Sahih Muslim).

15. Ia menyalahi Fatwa para Syeikh Azhar dan Deklarasi Amman yang memperakui mazhab Syiah Ja'fari dan Zaidi sebagai mazhab yang sah diamalkan oleh umat Islam.

16. Dan ia juga menyalahi Deklarasi Hak Asasi Manusia dalam Islam (OIC) Cairo1990 (sila lihat, *Fatwa dan Deklarasi*, di laman: almawaddah.info).

17. Jika mereka ditanya oleh orang bukan Islam: Adakah terdapat Hak Asasi Manusia dalam Islam? Maka para penyokong PAS, AMANAH, BERSATU dan UMNO umpamanya, akan menjawab: Ya, terdapat Hak Asasi Manusia dalam Islam kerana Islam adalah agama yang sempurna dan *rahmatan lil Alimin*.

18. Jika mereka ditanya lagi: Adakah Hak Asasi Manusia terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan? Mereka akan menjawab: Tidak ada Hak Asasi Manusia dalam Perlembagaan Persekutuan. Atau mereka akan menjawab: Perlembagaan itu ditulis oleh penjajah Inggeris.

19. Hakikatnya, Hak Asasi Manusia terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13. Mereka sengaja menyembunyikannya daripada pengetahuan umum rakyat Malaysia kerana ingin menzalimi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi sebagai penjenayah syariah di Malaysia.
20. Jika mereka ditanya lagi: Adakah terdapat Hak Asasi Manusia di dalam al-Qur'an? Mereka akan menjawab: Ya, terdapat Hak Asasi Manusia dalam al-Qur'an, tetapi ia adalah untuk pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafi'i sahaja, bukan untuk Syiah kerana Syiah menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah.
21. Mereka tidak mengetahui bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah pula menyalahi al-Qur'an dari sudut akidah sebanyak 93 ayat dan para Imam mazhab 4 pula menyalahi al-Qur'an dan Hadis sebanyak 357 perkara dari sudut hukum fekah (sila lihat, *SURAT PM* di laman: *almawaddah*. Info).
22. Mereka telah mewartakan pegangan atau mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai asas agama Islam mulai 5.5. 1996 bagi tujuan pengharaman Syiah Melayu mazhab Ja'fari dan Zaidi di bawah pemerintahan Tun Dr Mahathir dulu (BN) pada tahun 1996 dan meneruskan pengharaman Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi semasa pemerintahan beliau sekarang (PH) 2018.
23. Justeru, definisi agama Islam dan hukum syarak, menurut fatwa dan enakmen, adalah berasaskan pegangan (mazhab) Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak (e-fatwa) bukan berasaskan al-Qur'an. Justeru ia tidak memberi *rahmatan lil Alamin*.
24. Oleh itu, Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari Malaysia dihina, diserbu, disisih, dipenjara dan ada yang dihilangkan atau dibunuh seperti kes Amri; pengasas "*The Perlis Hope*" walau pun, mereka mengakui Malaysia sebagai negara Islam.
25. Pada hakikatnya, Malaysia adalah sebuah negara sekular (*un-Islamic*) dari sudut Perlembagaan kerana al-Qur'an adalah di bawah Perlembagaan dan mereka pula mewartakan Syiah sebagai penjenayah syariah. *Why being Syiah a crime?*
26. Dari sudut kerajaan negeri pula, al-Qur'an adalah di bawah pegangan atau mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana pegangan atau mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah diwartakan sebagai asas agama Islam dan hukum syarak mulai 5.5. 1996 (e-fatwa), bukan lagi al-Qur'an dan Hadis sebagai asas agama Islam dan hukum syarak di Malaysia. *Why being Syiah a crime?*
27. Justeru, mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dikira oleh Sunni lebih tinggi daripada Perlembagaan Persekutuan, al-Qur'an dan Hadis di Malaysia mulai 5.5. 1996 kerana ia diwartakan sebagai asas agama Islam dan hukum syarak dari sudut amali. Walau bagaimana pun, ia adalah "*un-Constitutional*" dan "*un-Islamic*" (void).
28. Lantaran itu, Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi diwartakan sebagai penjenayah syariah kerana kepercayaan mereka. Justeru, ia menyalahi Perlembagaan dan al-Qu'an.
29. Bukan penganut agama Hindu, Sikh, Buddha, Yahudi, dan Nasrani yang diwartakan sebagai penjenayah syariah, disesat dan dihina, tetapi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi!. Sebaliknya, mereka selain daripada Syiah dihormati di Malaysia menurut Perlembagaan dan al-Qur'an.

30. Penguasa Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan al-Qur'an dan Hadis sebagai asas agama Islam di Malaysia mulai 5.5. 1996.
31. Mereka telah menukar asas agama Islam dari al-Qur'an dan Hadis kepada mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai asas agama Islam dan hukum syarak.
32. Justeru, definisi agama Islam telah tersasar dari al-Qur'an dan Hadis bermula pada 5.5.1996 (e-fatwa) di Malaysia.
33. Walau bagaimana pun, ia telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia (BN) semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia dan para mufti di Malaysia pada 5.5.1996 (e-fatwa).
34. Oleh itu, mereka dipertanggungjawabkan di hadapan Allah pada hari Akhirat kelak kerana mewartakan Syiah mazhab Ja'fari dan Zaidi sebagai penjenayah syariah.
35. Justeru, para penganut Wahabi yang menyamar sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia bekerjasama dengan musuh-musuh Islam yang lain mulai 5.5. 1996 dengan menghasut orang ramai supaya membenci dan menentang pimpinan keluarga Nabi SAW atau Ahlul Bait Nabi SAW dan penyokong mereka; Syiah mazhab Ja'fari dan Zaidi dari sudut akidah, syariah dan akhlak.
36. Wahabi mengkafirkan semua penganut Islam selain daripada penganut Wahabi. Sementara Imam Abu l-Hasan al-Asy'ari' ketua Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan al-Asyairah, lahir di abad 3 Hijrah selepas kewafatan Nabi SAW, tidak mengkafir seorang pun daripada Ahli Qiblat (*al-Ibanah*, hlm 10). Justeru, fatwa pengharaman Syiah di Malaysia adalah dipengaruhi oleh fahaman Wahabi/Takfiri.
37. Oleh itu, peringatan hari Asyura, Arbaeen Imam Husain AS, hari Ghadir Khum perlantikan Imam Ali AS sebagai Khalifah secara langsung selepas Rasulullah SAW dan hari kelahiran Sayyidah Fatimah AS merupakan titik hitam bagi penguasa yang dipengaruhi oleh fahaman Salafi/Wahabi bagi menentang Syiah dengan mengeluarkan fatwa dan enakmen bagi pengharaman Syiah di Malaysia mulai 5.5. 1996 di bawah pemerintahan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika itu (BN) sehingga kini (PH) 2018 di bawah pemerintahannya jua.
38. Justeru, apabila mereka bercakap tentang "*the rule of law*", maka merekalah yang telah mengeluarkan Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi daripada "*the rule of law*" di Malaysia mulai 5.5.1996 dengan mewartakan fatwa dan enakmen zalim yang menyalahi Perlembagaan dan al-Qur'an (Sila lihat, *SURAT PM* di laman: almawaddah.info).
39. Lantaran itu, kata-kata bahawa "pemerintah kafir yang adil" adalah lebih baik daripada pemerintah muslim yang zalim" itu ada kebenarannya kerana konsep keadilan itu bersifat umum termasuk kepada Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi Malaysia, umpamanya, secara khusus.
40. Tidakkah Khalifah Ali AS berkata bahawa orang yang bersyariat dalam kezaliman itu ada 3? (*Al-Syurakaa' fi al-Zulmi thalathatun*):
1. Orang yang melakukan kezaliman itu sendiri (*al-'Amilu bi-al-Zulmi*).

II. Orang yang membantu orang melakukan kezaliman (*al-Mu'inu 'alai-hi*)

III. Orang yang meredai kezaliman itu (*al-Radi bi-hi*)? (*Yanabi' al-Mawaddah*).

41. Tidakkah Nabi SAW bersabda maksudnya: Sesiapa yang mencintai suatu kaum, maka dia akan dikumpulkan bersama mereka? Dan sesiapa yang mencintai amalan sesuatu kaum, maka dia bersyariat dalam amalan mereka? (al-Hakim, *al-Mustadrak*, al-Tabari, *Tarikh* dan lain-lain).

42. Tidakkah unta betina (*al-Naqah*) kaum Thamud itu hanya dibunuh oleh seorang lelaki di kalangan mereka? Kemudian pembunuhan itu diredai oleh kebanyakan kaum Thamud. Lalu Allah menyiksa kesemua mereka? Firman-Nya dalam Surah al-Syu'ara' (26): 157 " *Kemudian mereka membunuhnya (unta betina), lalu mereka merasa menyesal*" dengan lafaz jamak walau pun pembunuh unta betina itu adalah seorang lelaki sahaja (*Nahj al-Balaghah*).

43. Apa pendapat kalian jika kezaliman dan pembunuhan itu dilakukan ke atas seorang lelaki- bukan unta betina- Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari umpamanya?

44. Justeru, kenapakah Hak Asasi Syiah Melayu Islam mazhab Ja'fari dan Zaidi di dalam Perlembagaan dan al-Qur'an itu disembunyikan daripada pengetahuan umum di Malaysia?

45. Tidakkah Allah berfirman dalam Surah Hud (11): 113 " *Janganlah kamu cenderung kepada mereka yang telah melakukan kezaliman, nescaya kamu akan disambar oleh api neraka*"?

46. Justeru, mereka yang telah mengeluarkan fatwa dan enakmen pengharaman Syiah mazhab Ja'fari dan Zaidi atau orang yang telah membantu mengeluarkan fatwa tersebut atau mereka yang meredai dengan fatwa dan enakmen pengharaman Syiah mazhab Ja'fari dan Zaidi sebagai penjenayah syariah di Malaysia adalah termasuk di kalangan mereka yang zalim. (sila lihat, *SURAT PM* di laman: almawaddah.info).